



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KUSKOP SAMBUT BAIK APEM SEBAGAI PLATFORM TINDAKAN PMKS MUSLIM

BUKIT MERTAJAM, 15 OGOS – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyambut baik penganjuran Konvensyen Agenda Pembangunan Ekonomi Muslim (APEM) sebagai platform tindakan strategik bagi memperkukuh penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Muslim dalam ekosistem keusahawanan negara.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong menegaskan bahawa pembangunan PMKS memerlukan pendekatan menyeluruh yang melonjakkan keupayaan usahawan melepasi kebiasaan, merangkumi akses pembiayaan, pembangunan kapasiti, integrasi teknologi, serta pemantapan jaringan pasaran.

"Usahawan hari ini memerlukan lebih daripada sekadar modal. Mereka memerlukan bimbingan, akses pasaran, jaringan perniagaan dan sokongan yang berterusan untuk berkembang secara mampan dan berdaya saing serta akhirnya menjadi pemain yang lebih besar dalam ekonomi negara.

Matlamat kita adalah untuk memastikan lebih ramai usahawan berupaya melonjak ke peringkat seterusnya, mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan produktiviti, dan menjadi komponen penting dalam rantai nilai ekonomi negara," kata beliau.

Sehubungan itu, YB Steven Sim turut menggalakkan pihak penganjur APEM membina kerjasama strategik yang kukuh bersama kementerian, agensi kerajaan, institusi kewangan, sektor koperasi dan pemain industri. Langkah ini penting bagi memastikan resolusi konvensyen dapat diterjemahkan kepada program tindakan dan peluang perniagaan yang berimpak tinggi.

Platform APEM 2026 berpotensi diperkukuh melalui lima (5) inisiatif kerjasama strategik yang menghubungkan usahawan Muslim:

- Klinik Pembiayaan & Akses Pasaran: Sesi bimbingan khas mengenai saluran pembiayaan dan perluasan pasaran.

- Program Pembangunan: Latihan pembangunan kapasiti dan keusahawanan yang berterusan.
- Transformasi Digital & AI: Penerapan teknologi pintar bagi meningkatkan produktiviti serta daya saing operasi.
- Platform Padanan Perniagaan APEM: Menghubungkan jaringan sinergi PMKS Muslim dengan syarikat korporat, koperasi dan pelabur.
- Penskalaan Perniagaan – Membantu perusahaan mikro dan kecil berkembang menjadi perusahaan yang lebih besar, kukuh, berdaya saing dan mampan.

Pendekatan ini selari dengan agenda “Hebatkan Perniagaan Malaysia” KUSKOP yang memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, pemudahcaraan urusan, peluasan akses pembiayaan serta pengukuhan akses pasaran bagi membantu PMKS berkembang secara mampan dan berdaya saing.

Usaha ini turut diperkukuh melalui PowerUP 10K, yang menyediakan dana pembiayaan berjumlah RM15 bilion bagi mempercepatkan pertumbuhan PMKS secara lebih tersusun, bersasar dan berimpak tinggi. **Sehingga Julai 2026, sebanyak RM9 bilion telah diluluskan, melibatkan 250,00 usahawan PMKS, kata YB Steven Sim.**

Selain itu, di bawah inisiatif Modal Usahawan dan Rangsangan Ekonomi India (MUDRA), yang diperkenalkan oleh KUSKOP tahun ini, seramai 5,000 usahawan masyarakat India telah menerima pelbagai pembiayaan berjumlah RM100 juta, tambah beliau.

Selaras dengan itu, sokongan strategik KUSKOP akan terus digerakkan melalui Strategi ABCD, iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran, bagi memperkukuh daya tahan, daya saing dan keupayaan PMKS untuk berkembang serta menembusi pasaran yang lebih luas. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk membina ekosistem keusahawanan yang lebih kukuh, progresif dan inklusif, demi memastikan pertumbuhan perniagaan dan kesejahteraan rakyat dapat diperkukuh secara berterusan.

Hebatkan Perniagaan Malaysia

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

15 OGOS 2026

